

29 MAR 1996

Mahathir - Howard

DR M PUASHATI PERTEMUAN DENGAN HOWARD

Oleh: Neville D'Cruz

BRISBANE, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad puas hati hasil pertemuan pertamanya dengan Perdana Menteri baru Australia, John Howard yang disifatkannya sebagai "positif dan bermakna".

Dalam perbincangan lebih sejam itu, Dr Mahathir berkata mereka membangkitkan pelbagai perkara berkepentingan bersama dan yakin Howard ikhlas dalam hasrat dan usahanya untuk membaiki hubungan antara kedua-dua negara.

Pada persidangan berita untuk wartawan Malaysia yang membuat liputan pertemuan itu, beliau berkata antara isu yang dibangkitkan ialah berhubung pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang ditaja Asean.

Dr Mahathir berkata beliau tidak menjangkakan Australia akan mengubah pendiriannya tetapi diberi jaminan oleh Howard bahawa sebarang bangkangan terhadap perundingan itu tidak akan dibangkitkan secara umum.

Katanya beliau tidak begitu mengambil kisah mengenai (bangkangan) Australia berbanding bantahan yang ditunjukkan "negara-negara lain", tanpa menyebut dengan khusus negara-negara berkenaan.

Kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa perkataan-perkataan yang menyinggung perasaan seperti "biadab" tidak akan digunakan pada masa hadapan tetapi kedua-dua negara akan menghormati hak masing-masing untuk tidak bersetuju, sambil hormat menghormati antara satu sama lain.

Dr Mahathir singgah di sini dalam perjalanan pulang ke tanah air dari lawatan rasmi ke New Zealand khusus untuk pertemuan itu atas permintaan Howard sendiri.

Howard, yang menemui wartawan Australia dan Malaysia selepas perbincangan itu, menyifatkan pertemuan dengan Dr Mahathir sebagai satu "kejayaan besar, positif dan penuh kemesraan".

Katanya beliau merancang bekerjasama rapat dengan para pemimpin rantau Asia selain mengekalkan hubungan sejarah dengan Eropah dan Amerika Syarikat.

Menurut beliau, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk mempunyai hubungan terus telefon sekiranya timbul sebarang kesulitan dalam hubungan kedua-dua negara.

"Dalam konteks geografi, Australia mempunyai minat berkekalan di rantau dunia sebelah sini dan kedua-dua negara perlu bekerjasama," kata Howard.

Persinggahan penuh berjaya itu dicemari 25 penunjuk perasaan di luar tempat pertemuan di Beaufort Heritage Hotel milik Singapura yang dipercayai membantah pembinaan hidroelektrik Bakun di Sarawak.

Salah seorang penunjuk perasaan itu, seorang wanita yang berpura-pura sebagai wartawan, cuba mendekati Dr Mahathir tetapi dihalang oleh para pegawai keselamatan.

Yang turut menyambut Perdana Menteri di hotel itu ialah Timbalan Perdana Menteri Australia Tim Fischer, yang juga Menteri Perdagangan, Menteri Luar Alexander Downer dan Menteri Pendidikan Puan Amanda Vanstone.

Yang turut hadir Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia Datuk Zainal Abidin Ibrahim, Pesuruhjaya Tinggi Australia yang baru ke Malaysia William Farmer dan bekas Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia John Dauth.

Yang turut menyambut kedatangan Dr Mahathir ialah dua pegawai Majlis Perniagaan Australia Malaysia di Adelaide Peter Yeoh, yang berasal dari Klang dan Maha Sinnathamby, dari Rantau, Negeri Sembilan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz memberitahu pemberita bahawa beliau telah menghantar kepada kerajaan

Australia draf perjanjian baru perdagangan dengan negara itu.

Beliau berharap perjanjian itu dapat ditandatangani semasa beliau berada di Australia pada awal Jun ini.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak pula mengadakan perbincangan ringkas dengan Vanstone. -- Bernama.

NDC AHH